
Title	Majlis perasmian "Anjung Budiman"
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1997 Muhammad Ariff bin Ahmad

© **Haji Muhammad Ariff Ahmad**

01 Ogos, 1997

ucapan disampaikan kepada

Majlis Perasmian "Anjung Budiman",

di Kelab Masyarakat Bukit Batok

pada Sabtu, 02 Ogos, 1997 @ 20:00

*Bismillah ir-Rahman ir-Rahim
Alhamdulillah wa Syukurillah
Wa shalatu wa salamu ala Rasulillah
Wa la haula wa la Quwata illa billah..
Asyhadu an la ilaha illallahu wahdahu la syarikalahu
Wa asyhadu anna Muhammadan abduhu wa Rasuluhu.*

*A'utzubillahi minas-syaitan ir-rajim..
Wal 'asri innal insana lafii khusyirin, illallatzina amanu
wa 'amilus-shalihati watawa shaubil-haqqi watawa shaubis-shabri..
[Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian..
kecuali mereka yang beriman, yang beramal salih, dan mereka
yang wasiat mewasiati dengan kebenaran dan dengan kesabaran]*

Yang saya muliakan Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia:

Pengerusi, sekalian anggota Jawatankuasa Projek Anjung Budiman,
Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat
Bukit Batok,

Yang Berhormat AR GRC Bukit Timah, Dr Ong Chit Chung, selaku
Tetamu Terhormat,

Yang Berhormat Yang Berhormat:

Encik..

Encik..

serta hadirin-hadirat sekalian..

*Assalamu alaikum wa Rahmatullahi wa barakatuhu..
dan salam hormat..*

~~~~~

Pertama-tama, marilah kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala, kerana limpah kurnia-Nya menanugerahi kita sihat afiat dengan penuh Rahmat dan Nikmat-Nya, memberikan kita kelapangan sehingga dengan demikian, kita dapat bertemu dalam majlis pelancaran Anjung Budiman Kelab Masyarakat Bukit Batok ini.

Kedua, saya dan isteri mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Kerja Projek Anjung Budiman, yang telah sudi mengundang kami menyertai majlis pelancaran yang berbahagia lagi bersejarah ini. Kebetulan kami memang sudah tergolong dalam kategori umur warga tua juga.

Kartu tambang konsesi bagi bas dan MRT yang saya miliki ini menjadi saksi bahawa saya sudah tergolong warga tua Singapura - pada malam ini, pada 2 Ogos 1997 ini, umur saya sudah tertolak 72 tahun 7 bulan dan 24 hari.

Ketiga, saya diundang Jawatankuasa Projek Anjung Budiman ke mari pada malam ini, dengan harapan supaya dapat saya terangkan serba ringkas berkenaan dengan "*Anjung Budiman dan Peranannya*". Untuk memenuhi harapan itu, biarlah saya terangkan tentang:

1. mencari nama untuk kumpulan warga tua;
2. makna *Anjung Budiman*;
3. mengapa *Anjung Budiman*;
4. peranan *Anjung Budiman*.

#### **Pertama: Nama untuk kumpulan warga tua Kelab Masyarakat**

Kira-kira awal tahun 1996 [mungkin akhir 1995], Seorang pegawai Persatuan Rakyat, Hajah Bibi Mahmood, menghubungi saya mengatakan yang PR sedang berura-ura hendak menubuhkan kumpulan kegiatan warga tua, sekurang-kurangnya di 6 buah Kelab Masyarakat sebagai permulaan.

Dalam bahasa Inggeris, mula-mula kumpulan itu akan dinamakan *Senior Citizen Corner*. Hajah Bibi meminta bantuan saya menamakannya dalam bahasa Melayu bagi kumpulan warga tua Melayu. Menurut Hajah Bibi ada beberapa orang lain juga telah diminta mencadangkan nama kumpulan tersebut itu.

Mengambil jalan mudah saya terjemahkan sahaja SCC itu jadi *Sudut Warga Tua*; tetapi saya tidak berasa senang dengan kekata **sudut** itu kerana **sudut** mempunyai juga *konotasi yang negatif*.

Orang tua yang sudah disudutkan atau yang telah ditolak ke sudut ialah orang-orang yang sudah diketepikan - yang sudah tak boleh digunakan lagi. Saya fikirkan satu *alternative* - satu gantian nama yang mungkin boleh menarik perhatian warga tua untuk menjadi anggotanya.

Bagi saya, orang tua ialah mereka yang telah banyak berbuat budi. Jika tidak berbudi kepada masyarakat terbesar, mereka pasti telah berbudi kepada anak isterinya, kepada ibu bapanya, sekurang-kurangnya mereka telah berbudi kepada dirinya sendiri. Orang yang berbudi disebut dalam bahasa muluknya ialah **budiman**. Saya beritahu Hajah Bibi: walau apa pun nama yang diberikan kepada kumpulan atau kelab itu kelak, kata **budiman** harus diterapkan.

Ketika berehat di "*istana hinggap*" saya di Taman Saujana, dekat Pelentong Johor Baru, saya selalu berbeka dan bertukar-tukar fikiran dengan jiran dan tamu-tamu sambil *menambun* petang-petang di *anjung rumah*. Pulang dari Taman Saujana, saya hubungi Hajah Bibi dan memintanya masukkan nama *Anjung Budiman* itu apabila Jawatankuasa Pemilih nama kelab Warga Tua itu bersidang.

Apabila kelab pertama bagi warga tua di Kelab Masyarakat dirasmikan, saya dengar: nama *Anjung Budiman* itu telah digunakan.

#### Kedua: **Makna Anjung Budiman.**

Kamus-kamus memberikan empat makna **anjung**, iaitu:

1. **bahagian rumah** - *tempat orang beristirahat, duduk bersantai, mengambil angin sihat, berbual-bual dan menancang fikir.*
2. **angkat naik** - *mengangkat naik layang ketika hendak dilayangkan - seorang menganjung, seorang lagi meneraju.*
3. **maju ke depan** - *perahu yang dilancarkan ke laut.*
4. **puji; sanjung** - *menghargai jasa dan kebaikan orang.*

#### Ketiga: **Mengapa Anjung Budiman.**

Sesuai dengan keempat-empat makna yang diberikan kamus tadi, mudah-mudahan nama "*Anjung Budiman*" itu terpakai sebagai nama kelab warga tua, akan menjadi lambang atau simbol atau slogan kegiatan anggota kelab tersebut.

Umur tua tidak bererti berhenti daripada bergiat. Kemerosotan tenaga oleh proses tua itu tidak dapat ditolak; namun dengan sisa tenaga yang ada kita masih mampu berbuat sesuatu sekadar kuasa, sesuai dengan suasana dan keadaan yang ada disekitaran kita.

Saya percaya bahawa orang mula menjadi warga tua apabila mereka berumur 60 tahun = 720 bulan = 21,900 hari. Apabila mulai tua, orang akan bersara dari tugas dan mula mahu relaks.

Bagi saya relaks itu ada dua macam. Satu saya namakan *relaks A* dan yang lainnya *relaks B*. *Relaks A* ialah relaks mutlak, yakni relaks MRT (makan, rehat, tidur); manakala *relaks B* ialah relaks bergerak, yakni relaks yang hanya memberhentikan rutin, tetapi terus bergerak dengan peran baru yang selaras dengan hobi dan keahliannya, disemangati permutu kata **anjung** tadi.

Sebuah karmina Melayu berkata:

*emas, perak, tembaga, suasa..  
malas bergerak tidak merasa.*

Sudah 18 tahun saya bersara; dan saya pilih *relaks B*. Maka itu hingga malam ini pun saya masih bergerak memanfaatkan apa yang saya tahu. Sebab, saya difahamkan bahawa: selain anak yang salih dan amal jariah sepanjang hayat, ilmu pengetahuan yang dimanfaatkan adalah satu lagi antara harta kita yang kekal dibawa ke mati.

Dan..

Keempat: **Peranan *Anjung Budiman***

Menjalani umur tua ini, memang tidak ada yang lebih seronok daripada mengenang-ngehang atau bercerita tentang nostalgia masing-masing, sambil bermain dam, catur, congkak dan yang sebagainya. Namun beberapa kegiatan lain yang boleh diusahakan, umpamanya:

1. mengumpulkan cerita-cerita lama - terutama yang mengandungi nilai-nilai Melayu/Islam yang murni; mendapatkan kerjasama penulis-penulis untuk menuliskan cerita-cerita itu, kemudian mengusahakan penerbitan dan pemasarannya, supaya dapat dibaca masyarakat.

2. mengumpulkan bahan-bahan sejarah milik persendirian para anggota dan menyimpannya di kelab secara sistematik; bahan-bahan itu boleh dirakamkan sebagai khazanah kebangsaan dan boleh dipamer serta dijadikan bahan rujukan.

3. memperkembang hobi dan keahlian anggota-anggota dengan mengusahakan seni kraftangan seperti melukis, mengukir, fotografi, menganyam bakul, menekat, merinda dan menghidupkan kesenian-kesenian lain yang boleh dipamer dan dipasarkan.

4. mengadakan kerjasama dengan jawatankuasa blok-blok atau jawatankuasa zon untuk membuat kerja-kerja kebajikan membantu kegiatan penduduk-penduduk di sekitar kelab.

5. bekerjasama dengan Majlis Pusat dan pertubuhan-pertubuhan kebudayaan Melayu untuk menghidupkan nilai-nilai Melayu.

6. mengadakan kegiatan sukan dan riadah untuk anggota.

7. mengadakan rombongan melancong [keluar atau di dalam negeri] sambil belajar untuk anggota-anggota kelab.

8. mengadakan kegiatan **belajar dan mengajar** sesama anggota kelab dalam bidang duniawi dan ukhrawi.

Yang mulia,  
Yang berbahagia,  
Yang Berhormat Yang Berhormat dan  
Hadirin dan hadirat sekalian..

Demikianlah yang dapat saya bentangkan sekadar kuasa dan setakat kemampuan saya pada malam ini. Mudah-mudahan apa yang saya bincangkan tadi akan dapat difikirkan penganjur dan para pengurus kelab ini apabila mereka menimbangankan rancangan kegiatannya.

Akhirnya, ampun dan maaf jua saya pohonkan jika percakapan saya tadi hanya membosankan dan membazirkan masa tentuan dan pempuan yang pasti amat berharga itu.

Wallahu a'lam bissawab.  
Wabillahit-Taufiq wal-Hidayah..  
Wassalamau alaikum wR wB.

^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^